



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN GUNA PAKAI SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH, KENAL PASTI RISIKO RASUAH MELIBATKAN PINJAMAN KEMAHIRAN

KUALA LUMPUR, 5 JANUARI 2024: Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) akan mengguna pakai Sistem Pengurusan Anti-Rasuaah atau “Anti-Bribery Management System” (ABMS) bagi mengukuhkan tadbir urus serta mengenal pasti risiko rasuaah dan salah guna kuasa terutama dalam proses kerja di PTPK. Inisiatif PTPK ke aras pensijilan ABMS tersebut dilaksanakan dengan kerjasama National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH), sebuah badan pensijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia. Langkah ini akan menjadi panduan dan seterusnya dijadikan standard kepada semua jabatan dan agensi lain di Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong berkata demikian ketika Lawatan Rasmi ke Ibu Pejabat PTPK di Kuala Lumpur.

Jelas beliau, pembangunan ABMS didorong oleh prestasi cemerlang PTPK susulan hasil penarafan semula risiko tahun 2023 yang mencatatkan **risiko Tinggi kepada risiko Sederhana** oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuaah Malaysia (SPRM).

Matlamat berkenaan juga selari dengan kerangka Malaysia MADANI yang mengutamakan integriti dan kecekapan dalam pentadbiran awam. YB Steven Sim turut menekankan bahawa pelaksanaan ABMS ini adalah langkah proaktif untuk memastikan kakitangan PTPK mematuhi etika kerja, serta menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pemberantasan rasuaah dalam perkhidmatan awam.

Beliau turut menegaskan bahawa, PTPK selaku pembiaya utama latihan kemahiran dalam negara akan terus memperkasa agenda pembangunan modal insan negara selain akan terus komited memperkasa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dengan menyediakan pembiayaan bagi menggalakkan masyarakat untuk mengikuti bidang kemahiran.

PTPK sentiasa cakna dan memberi komitmen yang tinggi untuk memastikan rakyat Malaysia menikmati perkhidmatan yang terbaik dan sekali gus menyokong kepada Pemacu Perubahan Rancangan Malaysia Ke-12 Untuk Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan.

Turut hadir semasa lawatan tersebut, YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Hj Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia; YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa); YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) dan Encik Mohd Fathullah bin Mustafa, Ketua Eksekutif PTPK.

PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
www.ptpk.gov.my | 03-4051 6000 | E-mel: skillsfund@ptpk.gov.my
KUALA LUMPUR
7 JANUARI 2024